



## **PROTOKOL VETERINAR MALAYSIA**

### **PENYAKIT RABIES**

**No. Dokumentasi: PVM 1(17):1/2011**

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
MALAYSIA**

# **PROTOKOL VETERINAR MALAYSIA**

## **PENYAKIT RABIES**

**No. Dokumentasi: PVM 1(17):1/2011**

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
MALAYSIA**

## ISI KANDUNGAN

## MUKASURAT

|  |            |
|--|------------|
| <b>Jawatankuasa Penyediaan Protokol</b>                                      | <b>iii</b> |
| <b>Kata-kata Aluan</b>   | <b>iv</b>  |
| 1.0    Pengenalan .....  | 1          |
| 2.0    Skop .....  | 2          |
| 3.0    Definisi .....  | 2          |
| 4.0    Kata Singkatan .....  | 7          |
| <br><b>BAHAGIAN I: PIAWAIAN VETERINAR</b>                                    |            |
| 1.0    Kes Rabies .....  | 8          |
| 2.0    Pengesahan Penyakit .....   | 8          |
| 3.0    Kriteria Bebas Penyakit .....   | 9          |
| 4.0    Kawasan Kawalan Rabies .....  | 11         |
| 5.0    Kriteria Pengurusan Indeks Penyakit .....                             | 12         |
| <br><b>BAHAGIAN II: PROTOKOL KAWALAN DAN PEMBASMIAN<br/> PENYAKIT RABIES</b> |            |
| 1.0    Pengenalan .....  | 13         |
| 2.0    Dasar .....   | 13         |
| 3.0    Objektif .....  | 13         |
| 4.0    Matlamat .....  | 13         |
| 5.0    Strategi .....  | 14         |
| 5.1    Kawalanimport .....   | 14         |
| 5.2    Kuarantin .....   | 15         |
| 5.3    Kawalanpergerakan .....   | 15         |
| 5.4    Pengezonan .....  | 16         |
| 5.5    Pengurusanindeks .....  | 18         |
| 5.6    Kawalanhaiwanterbiar .....  | 19         |
| 5.7    Vaksinasi .....   | 21         |

|   |  |    |
|---|--|----|
| 5.8   | Amaranawal.....  | 22 |
| 5.9   | Survelan.....  | 23 |
| 5.10  | Kempen kesedaran awam .....                            | 23 |
| <b>BAHAGIAN III: PANDUAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN RABIES</b> |  |    |
| 1.0   | Panduan Pelesenan Anjing Kawasan Penampang.....        | 24 |
| 2.0   | Panduan Survelan Aktif Rabies .....                    | 25 |
| 3.0   | Panduan Pengendalian Kejadian Kes Gigitan Anjing ..... | 26 |
| 4.0   | Panduan Kuarantin Rabies .....                         | 27 |
| 5.0   | Panduan Rawatan Kecemasan Rabies .....                 | 28 |
| 6.0   | Panduan Pet Passport .....                             | 29 |
| Lampiran 1 .....  | 30   |    |
| Lampiran 2 .....  | 31   |    |
| Rujukan .....   | 33   |    |
| Penghargaan .....   | 34   |    |

## **JAWATANKUASA PENYEDIAAN PROTOKOL**

Pihak yang terlibat dalam Penyediaan Protokol Penyakit Rabies ini terdiri daripada:

- Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS, IPPV
- Bahagian Perancang, IPPV
- Bahagian Penyelidikan, IPPV
- Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan, IPPV
- Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti, IPPV
- Bahagian Pembangunan Sumber Teknologi Ternakan, IPPV
- Bahagian Pembangunan Industri Hiliran, IPPV
- Bahagian Penguatkuasa, IPPV
- Bahagian Latihan dan Pembangunan Kerjaya, IPPV
- Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri

## KATA-KATA ALUAN

Malaysia telah bebas dari rabies dengan kes terakhir dalam haiwan dan manusia pada tahun 1999. Namun begitu Negara ini sentiasa terdedah kepada risiko rabies kerana penyakit berkenaan masih lagi aktif di negara jiran. Risiko kemunculan semula penyakit ini sentiasa wujud kerana pergerakan haiwan kesayangan dari serata dunia yang aktif. Demikian juga pergerakan pelancong tempatan dan asing yang rancak ke dalam kawasan jangkitan, menjadikan risikonya sentiasa ada.

Maka tahap kesiapsiagaan Negara untuk menghadapi kemungkinan tersebut hendaklah sentiasa dikekalkan. Pihak Berkuasa Veterinar tidak boleh selesa dengan keadaan bebas sekarang kerana ia mungkin berubah akibat satu pendaratan di lapangan terbang atau kapal di pelabuhan atau kereta yang merentasi sempadan. Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah diperuntukkan kuasa yang mencukupi untuk menghadapi kemungkinan tersebut melalui Akta Binatang, 1953 (semakan 2006).

Strategi pencegahan rabies melalui kawalan anjing berkeliaran, pelesenan dan vaksinasi dalam kawasan penampnan serta kawalan anjing berkeliaran dan pelesenan di luar kawasan penampnan terbukti berkesan. Dalam pada itu tegahan kawalan anjing berkeliaran dengan menembak telah diberi. Namun begitu ketika wabak semua pilihan akan ditimbang terutama di kawasan penampnan. Sementara itu kapasiti untuk diagnosis, amaran awal dan pengurusan krisis penyakit haiwan masih perlu diperkuuhkan.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar hendaklah menjalin hubungan yang akrab dengan Pihak Berkuasa Tempatan dalam menangani anjing berkeliaran dan pelesenan. Hubungan hendaklah dikekalkan dengan Pejabat Kesihatan agar semua Pegawai Perubatan juga terus sensitif dengan penyakit rabies. Jabatan juga akan terus menjalin hubungan akrab dengan veterinar bagi menggalakkan konsep "pemilik haiwan kesayangan bertanggungjawab". "Pet Passport" telah diperkenalkan bagi meningkatkan daya jejak dan keberkesanan kawalan penyakit.

Protokol Veterinar Malaysia Penyakit Rabies ini telah menggariskan panduan untuk menjadi rujukan Pihak Berkuasa Veterinar, veterinawan serta Pihak Berkuasa Tempatan dan Pegawai Perubatan untuk mencegah kejadiannya. Maka dengan ini saya ingin mengarahkan kepada semua untuk menghayati dan mematuhiinya. Semoga Malaysia akan berjaya mengekalkan status bebas rabies.



**Dato' Dr. Abd Aziz bin Jamaluddin**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar  
Malaysia

## PENYAKIT RABIES

### 1.0 PENGENALAN

Rabies merupakan sejenis penyakit zoonotik yang disebabkan oleh jangkitan virus dari genus Lyssavirus yang boleh menjangkiti kesemua jenis mamalia. Simptom klinikal yang kerap dikesan melibatkan perubahan kelakuan, gejala kerosakan saraf, lumpuh dan yang lazimnya berakhir dengan kematian.

Rabies berjangkit melalui luka gigitan, luka terbuka pada kulit atau melalui permukaan mukosa dari air liur, cairan atau tisu tubuh yang terjangkit. Tempoh inkubasi boleh sehingga 6 bulan, dan tempoh jangkitan di dalam haiwan domestik karnivor mungkin seawal 15 hari sebelum simptom awal muncul dan ianya berakhir apabila haiwan/ manusia terjangkit itu mati.

Haiwan yang digigit oleh haiwan rabid boleh terjangkit dan melalui dua tahap tanda klinikal samada agresif atau dungu. Pada tahap agresif haiwan yang terjangkit akan mengigit semua haiwan, orang dan benda bergerak di sekelilingnya. Kemudian ianya akan menjadi lumpuh atau dungu sebelum maut. Pada kedua tahap itu risiko jangkitan kepada manusia sentiasa wujud.

Kes rabies terakhir dilaporkan di Malaysia dalam haiwan pada tahun 1999 dan dalam manusia pada tahun 1998. Setelah hampir 12 tahun tiada kes baru, Malaysia kini diisyiharkan bebas dari penyakit ini oleh WHO. Sekitar 86% daripada kes yang direkodkan antara 1955 sehingga 1986, berlaku di dalam kawasan penampang dan 14% lagi berlaku di negeri lain. Sepanjang tempoh itu Malaysia dapat mengekalkan kadar insiden yang rendah iaitu 1.3 kes setahun (Laporan DVS, 1987).

Akta Binatang 1953 (Semakan 2006) bagi Semenanjung Malaysia, telah memberi peruntukan kuasa mencukupi untuk menghadapi wabak penyakit rabies. Akta berkenaan memberi kuasa untuk mengeluarkan perintah kawasan terjangkit Rabies dan langkah pencegahan dan kawalannya meliputi melesen anjing, vaksinasi dan pemusnahan anjing liar. Sementara itu, Sabah dan Sarawak juga memiliki kuasa perundangan bagi kawalan penyakit rabies. Sehingga kini pelbagai strategi yang diambil terbukti berkesan mengekalkan Negara bebas rabies. Penyakit rabies juga tersenarai sebagai Penyakit Wajib Lapor.

## **2.0 SKOP**

Protokol Veterinar Malaysia Penyakit Rabies ini akan mengandungi piaawaian, protokol dan panduan yang digunakan bagi tujuan mencegah, mengawal dan membasmi rabies.

## **3.0 DEFINISI**

### **3.1 Dayajejak**

Keupayaan untuk menjelajah latarbelakang atau lokasi asal haiwan atau sumber asal penyakit atau reaktor positif.

### **3.2 Penghapusan**

Aktiviti yang dilakukan untuk mematikan haiwan secara individu atau besar-besaran yang telah disahkan berpenyakit atau berisiko. Hapus belas (atau sinonim dengan nama Put-To-Sleep) pula ialah kaedah untuk menghasilkan keadaan tidak sedar diikuti oleh kematian tanpa kesakitan dan ketegangan.

### **3.3 Pemusnahan**

Proses memusnah dan membakar bahan daripada bangunan, kandang, bangsal, petak, sangkar atau tempat yang berkaitan dengan haiwan berpenyakit. Pemusnahan boleh melibatkan apa-apa alatan, kelengkapan dan perkakasan yang berkaitan dengan haiwan dan burung berpenyakit.

### **3.4 Pelupusan**

Aktiviti untuk menghapuskan karkas/ bangkai haiwan/ hasilan haiwan/ bahan biologik dan bahan yang telah dijangkiti secara individu atau besar-besaran yang telah disahkan berpenyakit atau berisiko dan atas kes tangkapan/penyeludupan melalui perintah mahkamah.

### **3.5 Pegawai Veterinar**

Pegawai yang dilantik secara rasmi dan diberi kuasa bagi menjalankan, melaksanakan tugas bagi pihak Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar atau Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri di bawah Akta Binatang 1953 (Semakan 2006).

### **3.6 Pihak Berkuasa Veterinar**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, dan mana-mana Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri, mana-mana Pegawai Veterinar, Timbalan atau Penolong Pegawai Veterinar dan termasuk mana-mana orang yang dilantik secara bertulis oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar dan mana-mana Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri untuk menjadi Pihak Berkuasa Veterinar di bawah Seksyen 3 Akta Binatang 1953 (Semakan 2006).

### **3.7 Haiwan terbiar**

Haiwan seperti kucing dan anjing yang bergerak bebas tanpa sebarang kekangan fizikal melangkaui kawasan pemilik/penjaga.

### **3.8 Haiwan**

Semua binatang termasuk lembu, kambing, kerbau, bebiri, kuda, babi, rusa, anjing, kucing, unggas serta mana-mana binatang yang dikurung atau bawah kawalan, pada sebarang umur atau jantina.

### **3.9 Kawasan penampan**

Kawasan yang memiliki risiko jangkitan yang tinggi iaitu bersempadan kawasan terjangkit. Kawasan penampan meliputi semua premis/ kampung/ lokasi yang berada 30 km daripada sempadan.

### **3.10 Kawasan dijangkiti**

Suatu kawasan yang berlaku penyakit atau, mungkin telah dibawa masuk penyakit.

### **3.11 Kawasan kawalan**

Kawasan yang telah berlaku penyakit dan terdapat keinginan untuk mengawalnya melalui pelbagai kaedah dan strategi serta ditetapkan larangan tertentu.

### **3.12 Kawasan pembasmian**

Kawasan yang belum atau telah berlaku penyakit dan terdapat keinginan untuk membasminya melalui pelbagai kaedah dan strategi serta ditetapkan larangan tertentu.

### **3.13 Kes Penyakit Haiwan**

Individu haiwan yang dijangkiti oleh agen patogenik dengan atau tanpa tanda klinikal jangkitan.

### **3.14 Indeks Penyakit**

Satu kawasan penyakit setempat atau tapak utama bagi sesuatu penyakit am atau jangkitan. Empat elemen penting dalam indeks ini ialah lokasi, haiwan, penyakit dan masa. Satu kawasan penyakit setempat atau tapak utama bagi sesuatu penyakit yang diuruskan melalui APTVM Pengurusan Indeks Penyakit Haiwan.

### **3.15 Kuarantin**

Sekatan pergerakan/perpindahan haiwan bersesuaian dengan arahan dari pihak berkuasa atau pihak yang diberi kuasa samada premis peribadi tuan punya atau kemudahan bersesuaian yang telah diluluskan; dan di bawahkekangan oleh pagar bertutup, sangkar atau kandang.

### **3.16 Makmal Veterinar**

Institusi yang diiktiraf dan diberi kuasa menjalankan pemeriksaan dan ujikaji dan pengesahan penyakit.

### **3.17 Notis**

Dokumen bertulis dari Pihak Berkuasa Veterinar bagi tujuan memberitahu atau memaklum kepada pemilik premis, pemilik haiwan dan pihak-pihak yang berkepentingan dalam bentuk surat resmi, email atau Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) berkenaan dengan pengisyiharahan penyakit dan tentang pembukaan serta penutupannya.

### **3.18 Premis**

Ladang, tempat, kandang, reban, rumah sembelih, loji pemprosesan, kilang makanan haiwan, klinik haiwan, kedai haiwan, pasar basah, rumah atau bangunan di mana haiwan, hasil atau produk haiwan ditempatkan atau diletakkan secara sementara atau kekal serta dijalankan perkhidmatan berkaitan haiwan, hasil dan produk haiwan.

### **3.19 Pet Passport**

Dokumen pengenalan rasmi yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar kepada haiwan kesayangan.

### **3.20 Rabid**

Dijangkiti oleh rabies.

### **3.21 Rekod Veterinar**

Data atau maklumat berkaitan veterinar yang disimpan untuk rujukan.

### **3.22 Suntikan Booster**

Imunogen (vaksin, toksoid atau persedian antigen) disuntik pada masa pertengahan yang sesuai selepas suntikan utama diberikan bertujuan meningkat atau mengekalkan tahap imuniti.

### **3.23 Survelan**

Aktiviti pensampelan, pelaporan dan penganalisaan yang sistematis bagi mengetahui status, taburan, corak dan

tanda penyakit dalam populasi ternakan.

### **3.24 Sijil Kesihatan Veterinar (SKV)**

Dokumen yang mengesahkan kesihatan haiwan untuk membolehkan haiwan dipindahkan dari satu premis ke premis lain dan menjadi dokumen rujukan utama dan yang paling akhir dikeluarkan oleh mereka yang bertanggungjawab berpandukan APTVM Sijil Kesihatan Veterinar.

### **3.25 Pengenalan Haiwan**

Apa-apa tanda yang boleh memberikan pengenalan seperti tag telinga, tanda cacah, cop badan, RFID, mikrocip, tindik telinga dan 'ear notch'.

### **3.26 Vaksinasi**

Proses pemberian vaksin yang mengandungi antigen sesuatu penyakit, dilakukan ke atas haiwan yang boleh dijangkiti sehingga dapat menghasilkan ketahanan terhadap penyakit yang ingin dikawal.

### **3.27 Veterinawan Bertauliah**

Veterinawan yang berdaftar dengan Majlis Veterinar Malaysia serta memiliki Sijil Amalan Tahunan yang sah dan ditauliahkan secara bertulis oleh Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar serta didaftarkan dengan DVS bagi menjalankan tugas tertentu dalam melaksanakan skop tanggungjawab tertentu.

### **3.28 Veterinawan**

Pegawai Veterinar yang berdaftar dengan Majlis Veterinar Malaysia serta memiliki Sijil Amalan Tahunan yang sah samada Pegawai Veterinar Kerajaan atau ditauliahkan secara bertulis oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar yang didaftarkan dengan DVS bagi menjalankan tugas tertentu.

### **3.29 Wabak**

Kejadian penyakit berjangkit yang melibatkan lebih dari satu indeks atau gerompok haiwan atau melangkaui satu mukim dan daerah.

### **3.30 Zoonotik**

Penyakit haiwan yang boleh dipindahkan kepada manusia.

## **4.0 KATA SINGKATAN**

|              |   |
|--------------|---|
| <b>ADIC</b>  | : <i>Animal Diseases Information Center</i> |
| <b>APTVM</b> | : Arahan Prosedur Tetap Veterinar           |
| <b>dFA</b>   | : <i>Direct Florence Antibody</i>           |
| <b>FAT</b>   | : <i>Flourescent antibody Technique</i>     |
| <b>IP</b>    | : Indeks Penyakit                           |
| <b>DVS</b>   | : Jabatan Perkhidmatan Veterinar            |
| <b>KKM</b>   | : Kementerian Kesihatan Malaysia            |
| <b>PBT</b>   | : Pihak Berkuasa Tempatan                   |
| <b>PBV</b>   | : Pihak Berkuasa Veterinar                  |
| <b>PPVN</b>  | : Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri    |
| <b>PPVD</b>  | : Pihak Penguasa Veterinar Daerah           |
| <b>PVM</b>   | : Protokol Veterinar Malaysia               |
| <b>RFID</b>  | : <i>Radio Frequency Indentification</i>    |
| <b>SKV</b>   | : Sijil Kesihatan Veterinar                 |
| <b>VRI</b>   | : <i>Veterinary Research Institute</i>      |
| <b>TTL</b>   | : Tiada Tindakan Lanjut                     |

## **BAHAGIAN 1: PIAWAIAN VETERINAR**

### **1.0      Kes Rabies**

Kes rabies merupakan jangkitan virus dari genus Lyssavirus yang menjangkiti mamalia yang dikenalpasti pegawai veterinar melalui pemeriksaan klinikal, dengan sejarah pendedahan berserta perubahan kelakuan ditahap agresif atau dungu, dengan gejala kerosakan saraf, lumpuh dan kematian dan juga melalui ujian FAT.

### **2.0      Pengesahan Penyakit**

#### **2.1      Pemeriksaan Klinikal**

Haiwan yang mempunyai sejarah menggigit dan digigit dengan simptom perubahan kelakuan, gejala saraf, lumpuh dan kematian. Gejala klinikal dalam haiwan lazimnya melalui dua fasa dimulai fasa prodormal yang agresif dan disusuli fasa paralitik atau lumpuh yang dungu. Haiwan terjangkit akan berubah perangai, menjadi garang, bertukar suara, mengunyah tempat gigitan, hilang selera, demam dan menggigit apa sahaja yang bergerak sekitarnya. Dalam kandang ia akan menggigit pagar besi dengan air liur meleleh dan berbuah mulut. Simptom ini menggambarkan gejala anjing gila selama 2 - 4 hari. Fasa lumpuh atau dungu pula haiwan payah untuk makan, macam terlekat, dagu jatuh atau lumpuh dengan air liur meleleh dan berbuah serta berakhir dengan mati.

#### **2.2      Penemuan Histologi**

Penemuan histologi berguna untuk diagnosis rabies. Tisu otak terjangkit menggunakan pewarna hematoxylin dan eosin, giemsa atau Sellers untuk mengesan bukti ensifalomilitis. Gambaran histologi ensifalomilitis di tisu otak dan meninges dibuktikan melalui infiltrasi mononuclear, pengumpulan perivasculer limfositik atau sel polimorfinuklear, nodul babes terdiri dari sel glial dan jasad negris. Dahulu jasad negris ini dijadikan bukti pengesahan rabies, namun kini didapatkan tidak mencukupi untuk kepastian muktamad.

## **2.4. Pengasingan virus**

Pengesahan boleh juga dibuat melalui pengasingan virus dari genus Lyssavirus. Isolasi virus dari air liur dimasukkan ke dalam tikus untuk pengamatan bagi menghasilkan semula gejala penyakit dalam tikus makmal. Semua urusan pengendalian virus perlu dibuat di dalam makmal dengan biosafety tinggi.

## **2.4. Ujian Pengesahan**

Ujian Florescent Antibody Test (FAT) atau Direct Florence Antibody, (dFA) dijalankan ke atas tisu otak terutama dari dua tempat; medulla dan serebelum. Antibodi anti-rabies yang dilabel dengan florescence diguna untuk menguji tisu otak yang disyaki. Keputusan akan dilihat di bawah mikroskop flouresent dan akan mengesahkan kejadian.

# **3.0 Kriteria Bebas Penyakit**

## **3.1 Negara Bebas Rabies**

- 3.1.1 Penyakit rabies diwartakan dan dipantau di dalam Negara;
- 3.1.2 Program surveyan penyakit rabies dilaksanakan secara efektif;
- 3.1.3 Semua prosedur pengawalan dan pencegahan telah digunakan termasuk prosedur pengimportan yang terkawal;
- 3.1.4 Tiada sebarang kes tempatan dikesan samada di dalam mana spesis haiwan maupun manusia selama sekurang-kurangnya 2 tahun. Namun sekiranya terdapat pengasingan Bat Lyssavirus, status ini akan digantung semula;
- 3.1.5 Tiada sebarang kes karnivor yang diimport dan rabid di luar dari kawasan stesen kuarantine selama tempoh 6 bulan.

### **3.2 Pengimportan Haiwan Dari Negara Bebas Rabies**

#### **3.2.1 Haiwan domestik dan haiwan liar yang dipelihara**

- Tiada tanda klinikal rabies semasa penghantaran;
- Telah disimpan di dalam Negara yang bebas dari rabies semenjak lahir atau selama 6 bulan sebelum penghantaran.

#### **3.2.2 Haiwan liar yang tidak dipelihara**

- Tiada tanda klinikal rabies semasa penghantaran;
- Telah berada di dalam Negara yang bebas rabies dan jauh dari Negara yang tidak bebas rabies. [Jarak ditentukan berdasarkan spesis haiwan yang akan dieksport dan haiwan yang berpotensi dijangkiti dari Negara tidak bebas rabies tadi]

### **3.3 Pengimportan Haiwan Dari Negara Tidak Bebas Rabies**

#### **3.3.1 Kucing dan Anjing**

- Tiada tanda klinikal rabies dalam masa 48 jam sebelum penghantaran; DAN
- Mempunyai tanda pengenalan yang kekal seperti mikrocip dan nombornya mestilah tecatat dan sama seperti di dalam Sijil Kesihatan Veterinarnya;
- Telah diberikan suntikan vaksin rabies:
  - ◊ Suntikan pertama vaksin rabies telah diberikan ketika kucing atau anjing itu berusia sekurang-kurangnya 3 bulan,
  - ◊ (Suntikan pertama) Vaksinasi dilakukan tidak kurang dari 6 bulan dan tidak melebihi 1 tahun dari tarikh penghantaran;
  - ◊ (Suntikan Booster) Vaksinasi telah dilakukan tidak melebihi 1 tahun dari tarikh penghantaran;

- ◊ Telah dilakukan ujian antibodi dengan keputusan positif (paras Equivalent tidak kurang 0.5IU/ml), keputusan ini diterima pakai tidak kurang 3 bulan dan tidak lebih 1 tahun dari tarikh penghantaran; ATAU
- ◊ Sekiranya syarat-syarat b, c dan d tidak dipatuhi maka kucing dan anjing yang ingin dibawa masuk perlu dikuarantinkan selama 6 bulan.

### 3.3.2 Haiwan lain selain kucing dan anjing

- Tiada tanda klinikal rabies semasa penghantaran;
- Telah dikuarantinkan selama 6 bulan sebelum penghantaran dan kawasan asalnya perlulah tidak dilaporkan dengan sebarang kes rabies dalam tempoh 1 tahun.

## 4.0 Kawasan Kawalan Rabies

Sementara Malaysia telah bebas seluruhnya dari rabies namun iaanya akan dibahagikan ke dalam dua kawasan :

- a) Kawasan Penampan
- b) Kawasan Bebas

### 4.1 Kawasan Penampan

Kawasan penampan merupakan kawasan yang meliputi sekitar 30 km atau 20 batu dari sempadan Negara iaitu dari Thailand di utara dan dari Kalimantan di Sabah dan Sarawak. Kawasan tersebut meliputi negeri Perlis, sebahagian Kedah, Perak dan Kelantan utara. PPVN akan mengeluarkan warta Perintah Kawalan Rabies yang menetapkan kawasan sebenar.

### 4.2 Kawasan Bebas

Semua kawasan lain di luar kawasan penampan.

## 5.0 Kriteria Pengurusan Indeks Penyakit

Kriteria pengurusan Indeks Penyakit (IP) rabies ditunjukkan dalam jadual 1.

| <b>IP</b> | <b>Kod</b> | <b>Petunjuk</b>   | <b>Tumpuan</b>  |
|-----------|------------|---|---|
| Disyaki   | Kelabu     | Kes gigitan dan berasas sindrom gejala  | Premis disyaki.   |
| Aktif     | Merah      | Penyakit disahkan   | Daerah berkenaan dengan radius 20 km.                                       |
| Kawalan   | Kuning     | Kuarantin, penghapusan, pelupusan, vaksinasi, surveyan dan kempen kesedaran awam dijalankan | Kawasan terjangkit dan kawasan kawalan                                      |
| Pulih     | Hijau      | Tiada kes baru dikesan dalam kawasan terjangkit dalam tempoh 6 bulan                        | Surveyan semua kawasan meliputi kawasan terjangkit, kawalan dan pembasmian. |
| Bebas     | Putih      | Penyakit disahkan bebas untuk tempoh melebihi 2 tahun                                       | Pencegahan kembali berpandu kawasan penampakan dan bebas.                   |

## **BAHAGIAN II: PROTOKOL KAWALAN DAN PEMBASMIAN PENYAKIT RABIES**

### **1.0 Pengenalan**

Malaysia sebagai sebuah Negara yang bebas dari rabies berhasrat mengekalkan status berkenaan. Sekiranya berlaku rabies dalam haiwan atau manusia pastinya akan meningkatkan keresahan awam. Keadaan itu akan menjelaskan keyakinan orang ramai serta akan mempunyai implikasi ekonomi melalui kemerosotan aktiviti pelancongan. Sementara kos pembasmian menjadi besar dan prosedur pengurusan haiwan kesayangan pastinya menjadi lebih rumit. Kedudukan yang dicapai sekarang hasil dari jalinan kerjasama pelbagai pihak dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar terutama Kerajaan Tempatan, Kementerian Kesihatan, Polis, Kementerian Penerangan dan ramai pihak lain. Malaysia juga bertuah kerana telah memiliki prasana perundangan yang kemas yang membolehkan kejadian wabak ditangani dengan berkesan.

### **2.0 Dasar**

Untuk mengekal status bebas rabies.

### **3.0 Objektif**

- Dasar tersebut akan dicapai dengan:
- Mencegah kemasukan rabies ke dalam Negara
- Mengurangkan risiko kejadian dengan pengawalan haiwan terbiar
- Melibatkan penyertaan awam melalui "pemilik haiwan kesayangan bertanggungjawab"

### **4.0 Matlamat**

PVM yang lengkap agar Negara sentiasa siapsiaga untuk menghadapi krisis penyakit rabies.

## 5.0 Strategi

Pencegahan rabies seperti diperuntukan dalam Seksyen 38-42, Akta Binatang, 1953 (semakan 2006) akan dilaksanakan berpandu strategi berikut:

- Kawalan import
- Kuarantin
- Kawalan pemindahan
- Pengzonan
- Pengurusan indeks
- Kawalan haiwan terbiar
- Vaksinasi
- Amaran awal
- Survelan
- Kempen kesedaran awam

### 5.1 Kawalan import

- 5.1.1 Hanya haiwan berisiko daripada Negara atau zon yang bebas rabies dibenarkan untuk import ke Malaysia;
- 5.1.2 Semua haiwan yang ingin diimport hendaklah terlebih dahulu divaksinasi;
- 5.1.3 Suntikan pertama vaksin rabies telah diberikan ketika kucing atau anjing itu berusia sekurang-kurangnya 3 bulan;
- 5.1.4 (Suntikan pertama) Vaksinasi dilakukan tidak kurang dari 6 bulan dan tidak melebihi 1 tahun dari tarikh penghantaran;
- 5.1.5 (Suntikan Booster) Vaksinasi telah dilakukan tidak melebihi 1 tahun dari tarikh penghantaran;
- 5.1.6 Semua haiwan hendaklah diperiksa dan disahkan sihat disertai Sijil Kesihatan Veterinar oleh veterinawan;

- 5.1.7 Kebenaran import akan dibuat melalui e -permit 1;
- 5.1.8 Haiwan akan diperiksa di pintu masuk dan dikuarantin di stesen kuarantin selama 1 bulan.

## **5.2 Kuarantin**

- 5.2.1 Haiwan disyaki kerana menunjukkan gejala rabies hendaklah dikuarantin di kandang PPVD atau kuarantin sementara yang ditetapkan PPVD;
- 5.2.2 Semua kes gigitan yang dilaporkan samada kepada DVS, KKM atau polis hendaklah menjadi IP rabies disyaki dan dikuarantin;
- 5.2.3 Pengawasan dalam kuarantin dibuat dengan mengamati gejala rabies untuk tempoh 10 hari;
- 5.2.4 Ujian darah boleh dijalankan untuk pengesahan;
- 5.2.5 Sekiranya rabies disyaki penghapusan belas dijalankan oleh veterinawan
- 5.2.6 Hantar otak ke makmal untuk ujian pengesahan;
- 5.2.7 Sekiranya positif hendaklah dimaklumkan kepada Kementerian Kesihatan untuk tindakan susulan kepada mangsa gigitan.

## **5.3 Kawalan pergerakan**

- 5.3.1 Pemindahan dari kawasan penampang ke kawasan bebas ditegah kecuali dengan kebenaran;
- 5.3.2 Pemindahan dibenarkan ke atas haiwan kesayangan yang telah disahkan menjalani vaksinasi tahunan;
- 5.3.3 Pemindahan haiwan dari kawasan bebas ke kawasan penampang juga hendaklah divaksinasi dahulu sebelum dibenarkan pindah masuk;
- 5.3.4 Haiwan kesayangan tersebut hendaklah diperiksa kesihatan dan disahkan sihat melalui Sijil Kesihatan Veterinar oleh veterinawan;

- 5.3.5 Kebenaran pemindahan akan dibuat melalui sistem e-permit 2;
- 5.3.6 Pemindahan dalam kawasan bebas hendaklah disertai dengan Pet Passport dengan bukti pemeriksaan kesihatan oleh veterinawan.
- 5.3.7 Semua penyertaan dalam pertunjukan atau pertandingan haiwan kesayangan dalam kawasan bebas rabies hendaklah disertai Pet Passport.
- 5.3.8 Haiwan yang tiada pengesahan kesihatan dan daya jejak melalui Pet Passport ditegah daripada menyertai pertunjukan dan pertandingan yang mendedahkan kepada penularan penyakit.

#### **5.4 Pengezonan**

- 5.4.1 Keadaan Biasa

Dalam keadaan biasa terdapat dua kawasan:

- Kawasan penamparan
  - ◊ DVS bertanggungjawab menjalankan vaksinasi tahunan ke atas semua anjing.
  - ◊ DVS bertanggungjawab melesenkan anjing.
  - ◊ DVS bertanggungjawab mengawal haiwan terbiar
- Kawasan bebas
  - ◊ Kerajaan Tempatan bertanggungjawab melesenkan semua anjing dalam kawasan pentadbiranya.
  - ◊ Kerajaan Tempatan bertanggungjawab mengawal haiwan terbiar

- 5.4.2 Keadaan Krisis

Dalam keadaan krisis tiga kawasan akan ditetapkan:

- Kawasan dijangkiti
  - ◊ Perintah kuarantin akan dikuatkuaskan dengan tegahan semua pergerakan haiwan kesayangan.
  - ◊ PPVN boleh mengeluarkan perintah untuk mengurung, mengikat, merantai, memasang, kekang leher atau mengekang mulut anjing.
  - ◊ Notis kuarantin dikeluarkan ke atas premis terjangkit.
  - ◊ Menggerakkan operasi penghapusan haiwan terbiar.
  - ◊ Meningkatkan surveyan.
  - ◊ Menjalankan kempen kesedaran awam.
- Kawasan kawalan
  - ◊ Semua pergerakan ditegah kecuali dengan kebenaran.
  - ◊ Menggalakkan semua anjing menjalani vaksinasi.
  - ◊ Meningkatkan operasi penghapusan haiwan terbiar.
  - ◊ Meningkatkan surveyan.
  - ◊ Menjalankan kempen kesedaran awam.
- Kawasan pembasmian
  - ◊ Semua pergerakan beserta Pet Passport.
  - ◊ Meningkatkan operasi penghapusan haiwan terbiar.
  - ◊ Meningkatkan surveyan.
  - ◊ Menjalankan kempen kesedaran awam

## 5.5 Pengurusan indeks

### 5.5.1 IP Disyaki

- Setiap kes gigitan yang dilaporkan kepada DVS atau polis di anggapkan IP disyaki.
- Kejadian yang melaporkan gejala menyerupai rabies dianggap IP disyaki.
- Pegawai Kes hendaklah menjalankan penyiasatan penyakit berasas gejala dan sejarah,
- Semua kes gigitan dalam kawasan penampang menjadi IP disyaki dan mesti dikuarantin.
- Bagi kes polis haiwan akan di kuarantin 10 hari untuk pengamatan
- Bagi kes lain pegawai kes perlu tentukan samada Tiada Tindakan Lanjut (TTL) atau kuarantin.
- Kalau TTL, IP ditutupkan. Jika di kuarantin status IP tertakluk kepada keputusan ujian pengesahan.

### 5.5.2 IP Aktif

- Sekiranya disahkan IP menjadi aktif dengan mengambil radius 20 km.
- PPVN hendaklah memaklumkan kepada Menteri Besar.
- Perintah Kawalan hendaklah diwartakan.
- Kenyataan Awam hendaklah dibuat.
- Langkah pembasmian melalui operasi penghapusan dan pelupusan haiwan terbiar dibuat.
- Langkah pembasmian sebagai dalam kawasan terjangkit diambil.

### 5.5.3 IP Kawalan

- Bila segala langkah kawalan di IP aktif telah diambil seperti Kuarantin, penghapusan,

pelupusan,vaksinasi, disinfeksi dan kempen kesedaran awam IP bertukar menjadi IP Kawalan.

- Survelan diteruskan bagi kawasan terjangkit, kawalan, pembasmian.

#### 5.5.4 IP Pulih

- Bila tiada lagi kes rabies yang berlaku dalam IP Kawalan untuk tempoh 6 bulan maka IP bertukar menjadi IP Pulih.
- Survelan diteruskan bagi kawasan terjangkit, kawalan dan pembasmian.

#### 5.5.5 IP Bebas

Bila tiada lagi kes rabies yang berlaku dalam IP Pulih untuk tempoh 2 tahun maka IP bertukar menjadi IP Bebas.

### 5.6 Kawalan haiwan terbiar

#### 5.6.1 Penghapusan dan pelupusan

- DVS telah mengeluarkan Garis panduan Penghapusan Anjing Terbiar.
- PBT tidak dibenarkan untuk menembak anjing terbiar.
- Prosedur demikian hanya boleh dilaksanakan ketika wabak yang rabies mempunyai risiko tinggi jangkitan rabies kepada petugas terutama dalam kawasan penampan.
- Anjing hendaklah ditangkap dan dikurung dalam paun.
- Sekiranya anjing mempunyai tanda pengenalan rujuk pengkalan data dan hubungi tuannya.
- Penduduk kawasan operasi tangkapan berkenaan hendaklah dimaklumi.

- Anjing hendaklah dikurung untuk tempoh seminggu untuk member peluang pemilik datang menuntut.
- Sekiranya tiada pemilik datang menuntut daripada paun, PBT boleh membenarkan mereka berminat untuk mengambilnya untuk tempoh seminggu lagi.
- Sekiranya tiada pihak berminat anjing berkenaan bolehlah di lupus belas oleh veterinawan.

#### 5.6.2 Kawalan populasi

- Anjing merupakan haiwan yang menjaga kawasan dan akan berganti sekiranya ada kekosongan liputan kawalan.
- Sebahagian kecil dari anjing yang ditangkap serta didapati sesuai boleh di mandulkan dan dilepas kembali dalam kawasan sama.
- Anjing berkenaan akan menjaga kawasan itu dan memastikan populasi rendah kerana telah dimandulkan.
- Kawasan tempat makanan seperti pasar dan tempat buang sampah hendaklah diuruskan sisa dengan baik.
- Kedai makanan hendaklah menguruskan sisa dengan baik agar tidak menjadi puncak makanan haiwan terbiar.

#### 5.6.3 Galakan pemandulan

- DVS, PBT dan Badan Bukan Kerajaan boleh mengadakan kempen pemandulan bagi mengurangkan pembiakan.
- Pemilik hendaklah digalakkan untuk memandulkan haiwan kesayangan mereka melalui Kempen Kesedaran Awam bagi mengelak pembiakan tidak dikehendaki.

#### 5.6.4 Kawalan pembiakan

- Pemilik haiwan kesayangan tidaklah dibenar untuk membiak haiwan peliharaan mereka.
- Sekiranya berlaku pembiakan tidak sengaja dan mereka gagal mencari pemilik baru, anak haiwan itu hendaklah diserahkan kepada paun PBT serta membayar kos penghapusan belas.
- Pemilik haiwan kesayangan ditegah dari membuang haiwan mereka di tempat awam, tetapi hendaklah dihantar kepada paun.
- Hanya pembiak haiwan kesayangan berdaftar dengan DVS sahaja boleh membiak dan menjual haiwan kesayangan secara komersil.

#### 5.6.5 Galakan pemilik bertanggungjawab

- Semua pemilik haiwan kesayangan hendaklah memiliki Pet Passport yang merekodkan pengenalan melalui mikrocip pada setiap haiwannya.
- Pengenalan tersebut penting untuk kawalan penyakit serta dayajejak.
- Pet Passport akan meningkatkan bilangan Pemilik Haiwan Kesayangan Bertanggungjawab.
- Semua pemindahan haiwan dalam kawasan bebas dan bagi menyertai pertunjukan atau pertandingan hendaklah dibuktikan kesihatannya melalui Pet Passport.
- Pet Passport boleh didapati dari DVS dan Veterinawan yang ditauliahkan oleh DVS sebagai Pendaftar Haiwan.

### 5.7 Vaksinasi

- 5.7.1 Semua haiwan dalam kawasan penampungan wajib menjalani vaksinasi tahunan dan dilesenkan.
- 5.7.2 Haiwan yang gagal mematuhi perintah tersebut akan dihapuskan.

- 5.7.3 Haiwan dalam kawasan bebas tidak diwajib untuk vaksinasi.
- 5.7.4 Vaksinasi hanya boleh dibuat melalui preskripsi veterinawan berdasarkan pertimbangan risiko.
- 5.7.5 Ujian serologi melalui persampelan hendaklah dijalankan dalam kawasan penampanan untuk menentukan paras antibodi dan tahap perlindungan.

## **5.8 Amaran awal**

- 5.8.1 Semua kes gigitan yang dilaporkan kepada polis dianggap IP disyaki dan dikuarantin, diamati dan diuji.
- 5.8.2 Sekiranya haiwan disyaki dihapus oleh polis atau atas perintah Pengetua PBT, post mortem hendaklah dijalankan, dengan tisu otak dihantar ke makmal.
- 5.8.3 Sebarang kes yang menunjukkan gejala rabies dalam kawasan penampanan hendaklah dianggap sebagai IP disyaki.
- 5.8.4 Pesakit yang mendapat rawatan di klinik atau hospital kerana gigitan hendaklah dianggap berisiko rabies.
- 5.8.5 Pegawai Perubatan hendaklah memaklumkan kepada DVS serta merta.
- 5.8.6 PBV hendaklah menjalani daya jejak, menjalankan kuarantin anjing berkenaan.
- 5.8.7 Keputusan kuarantin hendaklah dilaporkan kembali kepada Pegawai Perubatan untuk tindakan lanjut kepada mangsa gigitan tersebut.
- 5.8.8 Sekiranya PBV gagal; mengesan anjing berkenaan, Pegawai Perubatan hendaklah dimaklumi dan pesakit dianggap terdedah serta diberi rawatan sewajarnya.

## 5.9 Survelan

### 5.9.1 Survelan pasif

- Semua laporan gigitan anjing samada daripada DVS, Polis atau Kementerian Kesihatan menjadi sebahagian surveyan pasif.
- Semua laporan sindrom saraf dengan haiwan agresif atau dungu menjadi sebahagian surveyan pasif dan dikendali mengikut APTVM Survelan.
- Sindrom tersebut hendaklah dilaporkan kepada ADIC.
- Ketua Seksyen Epidemiologi dan Survelan akan tentukan samada IP disyaki akan di buat penyiasatan penyakit atau TTL.

### 5.9.2 Survelan aktif

- Seksyen Epidemiologi dan Survelan akan menetapkan Pelan Survelan Tahunan untuk rabies.
- Ketua Bahagian Kesihatan Veterinar Negeri hendaklah pastikan PPVD membuat persampelan mengikut sasaran yang ditetapkan.
- Otak yang disampel hendaklah diuruskan dengan tahap biosecuriti tinggi.
- Semua sampel hendaklah dihantar di makmal rujukan di VRI.

## 5.10 Kempen kesedaran awam

- 5.10.1 Bahagian Komunikasi Korporat dan Antarabangsa akan menyelaras Kempen Kesedaran Awam mengenai penyakit rabies.
- 5.10.2 Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit akan menyelaras kandungan mesej kempen.
- 5.10.3 Ketua Bahagian Kesihatan Veterinar Negeri dan Unit Perhubungan Awam Negeri akan menyelaras kempen penerangan di peringkat negeri. Sila rujuk APTVM Kempen Kesedaran Awam.

### **BAHAGIAN III: PANDUAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN RABIES**

Panduan dan pencegahan rabies melibatkan aktiviti-aktiviti berikut;

- 1) Panduan Pelesenan Anjing Kawasan Penampang
- 2) Panduan Survelan Aktif Rabies
- 3) Panduan Pengendalian Kejadian Kes Gigitan Anjing
- 4) Panduan Kuaran tin Rabies
- 5) Panduan Rawatan Kecemasan Rabies
- 6) Panduan Pet Pasport

#### **1.0 PANDUAN PELESENAN ANJING KAWASAN PENAMPANG**

##### **1.1 Persiapan**

- 1.1.1. Seksyen Zoonosis dan Kesihatan Awam hendaklah menempah lencana lesen anjing untuk bekalan awal tahun hadapan.
- 1.1.2. Mengagihkan lesen ke negeri kawasan sempadan.

##### **1.2 Pewartaan**

- 1.2.1 Pastikan Kaedah Kawalan Rabies masih berkuatkuasa di negeri kawasan penampang.
- 1.2.2 Derafwarta untuk Perintah Pelesenan Anjing oleh PPVN.
- 1.2.3 Dapatkan kelulusan Penasihat Undang-undang Negeri dan Warta.

##### **1.3 Kempen Kesedaran Awam**

- 1.3.1 Buat kenyataan awam memaklumkan tentang perintah lesen anjing.
- 1.3.2 Papar jadualkan tarikh dan tempat vaksinasi dan pelesenan.
- 1.3.3 Sediakan kenyataan awam atau poster.

#### **1.4 Mengeluarkan lesen**

- 1.4.1 Jalankan pemeriksaan kesihatan atas anjing yang akan dilesen.
- 1.4.2 Sekiranya pemeriksaan kesihatan telah dibuat oleh veterinawan, pemilik hendaklah menunjuk bukti Sijil Kesihatan Veterinar.
- 1.4.3 Semak Pet Passport. Sekiranya belum ada, dapatkan Pet Passport.
- 1.4.4 Jalankan vaksinasi rabies.
- 1.4.5 Rekod dalam Pet Passport.
- 1.4.6 Sediakan laporan pelesenan dan vaksinasikan kepada DVS.

#### **1.5 Aktiviti Selepas Pelesenan**

- 1.5.1 Selepas tempoh pelesenan anjing terbiar ditangkap.
- 1.5.2 Anjing yang tidak bertuan dan tidak dituntut kendaklah lupus belas.
- 1.5.3 Bagi kawasan risiko rabies tinggi dalam pertimbangan PPVN kaedah pelupusan sesuai boleh ditimbangkan.

### **2.0 PANDUAN SURVELAN AKTIF RABIES**

#### **2.1 Pelan Survelan**

- 2.1.1 Ketua Seksyen Epidemiologi dan Survelan hendaklah menetapkan taburan persampelan dalam Pelan Survelan Tahunan.
- 2.1.1 Ketua Bahagian Kesihatan Veterinar Negeri hendaklah mengatur taburan persampelan mengikut daerah.

#### **2.2 Persampelan**

- 2.2.1 Ketua Bahagian Kesihatan Veterinar Negeri hendaklah mengatur pelupusan anjing mengikut daerah.

- 2.2.2 Pegawai Survelan atau PPVD hendaklah menjalankan post mortem.
- 2.2.3 Ketua pasukan pelupusan hendaklah mengutip kepala yang di simpan dalam kotak sejuk.
- 2.2.4 Rekodkan lokasi, masa, jantina,baka.

### **2.3 Penghantaran sampel**

- 2.3.1 Sampel yang di telah di kutip hendaklah letakkan dalam bekas tertutup.
- 2.3.2 Pastikan terdapat cukup penyejuk untuk perjalanan.
- 2.3.3 Bekas hendaklah di tutup kemas dan disinfeksi.
- 2.3.4 Ketika pengendalian sampel, langkah keselamatan diri hendaklah diambil.

### **2.4 Pengurusan keputusan**

- 2.4.1 Sampel hendaklah dihantar ke VRI dengan segera.
- 2.4.2 Keputusan hendaklah dihantar balik ke PPVD, PPVN dan ADIC untuk tindakan lanjut.

## **3.0 PANDUAN PENGENDALIAN KEJADIAN KES GIGITAN ANJING**

- 3.1 PPV menerima aduan dari orang awam atau pihak polis atau hospital, melalui Borang Appendiks I;
- 3.2 PPV haruslah menjalankan penyiasatan kes dan mengisi Borang Appendiks II;
- 3.3 PPV haruslah menangkap anjing terbabit, mengurung dan melakukan pemerhatian ke atas anjing terbabit selama 14 hari;
- 3.4 Jika anjing terbabit menunjukkan tanda-tanda positif rabies,maka ia haruslah segera dihapus belas, lalu sampel kepalanya dihantar ke VRI untuk diuji;

- 3.5 Jika anjing terbabit tidak menunjukkan tanda-tanda positif rabies, maka ia bolehlah dipulangkan beserta laporan pemerhatian dan nasihat pemilik anjing untuk menggunakan kolar dan rantai sesuai untuk mengekang anjing di dalam kawasan rumah yang berpagar;
- 3.6 Maklumkan kes kepada Ketua Pengarah DVS dan KKM.

#### **4.0 PANDUAN KUARANTIN RABIES**

- 4.1 Sekiranya seekor haiwan (terutamanya anjing dan kelawar) telah menggigit manusia dan akhirnya dikenalpasti, PPV akan menangkap dan mengurung haiwan terbabit untuk pemerhatian selama 14 hari.
- 4.2 Kriteria kuarantin perlulah mematuhi perkara berikut:
  - 4.2.1 Mempunyai kemudahan keselamatan seperti sangkar berkunci, selamat dari risiko serangan terhadap manusia;
  - 4.2.2 Haiwan itu diberikan vaksin rabies;
  - 4.2.3 PPV atau Veterinawan Bertauliah haruslah sekurang-kurangnya memantau keadaan haiwan itu pada hari pertama dan terakhir kuarantin tersebut. Jika haiwan sakit di dalam tempoh tersebut, laporan bertulis perlu dibuat;
  - 4.2.4 Sekiranya haiwan itu tidak dapat dikuarantinkan dengan selamat atas sebarang sebab, ia haruslah dihapus belas lalu sampel kepala hendaklah dihantar ke VRI bagi diagnosis rabies;
  - 4.2.5 Sekiranya haiwan itu mati dalam tempoh kuarantin atas sebarang sebab, kepalanya hendaklah dihantar ke VRI bagi diagnosis rabies.
- 4.3 Adalah menjadi kesalahan sekiranya mana-mana individu mengganggu tempoh kuarantin tersebut;
- 4.4 Tiada haiwan liar yang akan dikuarantinkan sekiranya menggigit manusia. Semuanya akan dihapus belas dan sampel kepala dihantar ke VRI bagi diagnosis rabies.

## **5.0 PANDUAN RAWATAN KECEMASAN RABIES**

Apabila berlakunya sebarang kejadian gigitan haiwan terutamanya anjing, kelawar dan kucing;

### **5.1 Panduan Kecemasan Asas**

- i. Bawa bertenang dan pastikan anda dan orang yang digigit berada di kawasan yang selamat. Gunakan sarung tangan getah sebelum anda memeriksa kawasan luka;
- ii. Jika tiada pendarahan yang serius, basuh luka dengan air dan sabun di bawah air mengalir selama 3 hingga 5 minit. Tutup luka dengan krim antibiotic dan pelapik yang bersih dan kering;
- iii. Jika pendarahan adalah serius, tekap dan tekan kawasan luka dengan kain bersih dan kering. Tinggikan kedudukan tempat luka;
- iv. Pergi ke hospital yang berdekatan dengan segera dan laporkan kejadian kepada Pejabat Veterinar yang berdekatan.

### **5.2 Kes gigitan haiwan adalah serius apabila:**

- i. Haiwanyangmenggitadalahliardantidakdiketahui pemiliknya;
- ii. Orang yang digigit tidak mendapat suntikan tetanus dalam 5 tahun kebelakangan ini;
- iii. Terdapatnya bengkak, kemerahan, atau nanah mengalir dari luka;
- iv. Gigitan adalah di kepala, tengkuk atau tangan;
- v. Gigitan dalam dan lebar;
- vi. Tidak pasti jika luka gigitan itu memerlukan jahitan.

- 5.3 Pastikan laporan kejadian dibuat kepada Pejabat Veterinar yang berdekatan walaupun anda tidak memerlukan rawatan hospital, supaya pihak berkenaan dapat melakukan siasatan dan membuat kepastian samada haiwan tersebut adalah rabid atau tidak.

## **6.0 PANDUAN PET PASSPORT**

Sila rujuk dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar berdekatan anda atau Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit, Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya.

**Lampiran 1**

HOSPITAL KERAJAAN/SWASTA  
 DAERAH .....  
 NEGERI .....

PENGARAH  
 JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN  
 NEGERI .....

Tuan,

**LAPORAN KES GIGITAN HAIWAN YANG MEMBAWA PENYAKIT RABIES**

|   |                                      |                    |                  |
|---|--------------------------------------|--------------------|------------------|
| NAMA PESAKIT  |                                      |                    |                  |
| K/P   |                                      |                    |                  |
| JANTINA   |                                      |                    |                  |
| UMUR  |                                      |                    |                  |
| BANGSA  |                                      |                    |                  |
| NAMA IBU/BAPA   |                                      |                    |                  |
| ALAMAT  |                                      |                    |                  |
| NO. LAPORAN POLIS   |                                      |                    |                  |
| NO. PESAKIT LUAR  |                                      |                    |                  |
| JENIS HAIWAN  |                                      |                    |                  |
| SILA TANDAKAN<br><checkmark> (✓) DALAM KOTAK YANG<br/>           SESUAI</checkmark> | BERTUAN<br><input type="checkbox"/>  | ( )                | YANG BERTUAN ( ) |
|   | BERLESEN<br><input type="checkbox"/> | ( )                | TAK BERLESEN ( ) |
| TIDAK DIKETAHUI<br><input type="checkbox"/>   | ( )                                  |                    |                  |
| TARIKH DIGIT  |                                      |                    | MASA:            |
| TEMPAT KEJADIAN   |                                      |                    |                  |
| TARIKH & RAWATAN DITERIMA   |                                      |                    |                  |
| MASA RAWATAN  |                                      |                    |                  |
| NAMA PEGAWAI PERUBATAN  |                                      |                    |                  |
| KES DIRAWAT SEBAGAI   | PESAKIT LUAR ( )                     | DIMASUKKAN WAD ( ) |                  |
| ALAMAT HOSPITAL/KLINIK  |                                      |                    |                  |

NOTA : Borang ini hendaklah diisi oleh pegawai perubatan/pengamal perubatan bagi setiap kes, dan satu salinan dihantar kepada pegawai kesihatan daerah berkenaan

ALAMAT

**Lampiran 2**

TEL : .....

**LAPORAN TINDAKAN SUSULAN KE ATAS KES GIGITAN**

Nama Pesakit : .....

Rujukan Fail : .....

Tempat digigit

(sila tanda √ pada tempat berkenaan)

| Bahagian | Catatan |
|----------|---------|
| Kepala   |         |
| Muka     |         |
| Badan    |         |
| Lengan   |         |
| Peha     |         |
| Kaki     |         |

Sebab digit

| Punca       | Catatan |
|-------------|---------|
| Menangkap   |         |
| Melerai     |         |
| Memijak     |         |
| Memukul     |         |
| Tanpa punca |         |

Keadaan Pesakit

| Kedudukan         | Catatan |
|-------------------|---------|
| Normal            |         |
| Rawatan Susulan   |         |
| Tak dapat dikesan |         |

Keadaan Haiwan

| Kedudukan         |  | Catatan |
|-------------------|--|---------|
| Normal            |  |         |
| Tak dapat dikesan |  |         |

Pemeriksa

| Nama | Catatan |
|------|---------|
|      |         |
|      |         |
|      |         |
|      |         |

Pemberi maklumat

| Nama    |  | Catatan |
|---------|--|---------|
| Bapa    |  |         |
| Ibu     |  |         |
| Pesakit |  |         |
| Jiran   |  |         |

Lawatan

| Tarikh | Hari | Jam |
|--------|------|-----|
|        |      |     |

Catitan : .....

## RUJUKAN

1. CDC, MMWR, Recommendation & Reports, April 14, 2006/55 (RR05); 1-8
2. Cynthia M. Kahn, Scott Line, Merial, The Merck Veterinary Manual, 9th edition, 2005
3. D. C. Blood, Virginia P. Studdert, Bailliere Tindall, Bailliere's Comprehensive Veterinary Dictionary, 1988
4. Medscape today, CDC, MMWR, 2007, 56(22): 1-8
5. Protokol- Protokol Kawalan Penyakit Haiwan Kebangsaan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Kementerian pertanian Malaysia, 2003
6. Rabies In Malaysia, Technical Report No. 3, Department of Veterinary Services, Ministry of Agriculture Malaysia, 1987
7. Washington State University, 9CFR Part 1- Definition, April 25, 2004  
[http://Campusvet.wsu.edu/iacuc/9cfr1\\_2.html](http://Campusvet.wsu.edu/iacuc/9cfr1_2.html)

## PENGHARGAAN

|   |   |
|---|---|
| <b>Y.H. Dato' Dr. Mohamad Azmie bin Zakaria</b> | Bahagian Pengurusan Biosecuriti dan SPS |
| <b>Dr. N. Krishnan</b>                          | Seksyen Zoonosis dan Kesihatan Awam     |
| <b>Dr. Roslaini bt Hj Rusli</b>                 | Seksyen Zoonosis dan Kesihatan Awam     |
| <b>Dr. Norsuhanna bt Mohd Mokhtar</b>           | Seksyen Zoonosis dan Kesihatan Awam     |



**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR  
MALAYSIA**